

17/08/1998

Majlis perkahwinan anak menteri

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerabat diraja dan pembesar negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, di sini malam tadi.

Dayang Adelene Bahjah, 23, melangsungkan perkahwinan dengan Tengku Ariez Hazaril Tengku Abdul Halim, 27, cucunda kepada Raja Perlis dalam majlis meriah penuh istiadat.

Antara kerabat diraja yang hadir ialah Raja dan Raja Perempuan Perlis; Sultan dan Sultanah Kedah; Pemangku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan; Raja Muda Selangor serta Raja Muda dan Raja Puan Muda Perlis.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan beberapa anggota Kabinet.

Raja Perempuan Perlis mendahului kerabat diraja menyempurnakan adat merenjis air mawar diikuti jempunan lain.

(END)